

Terima rasuah pengusaha lombong bauksit haram

2 pegawai PTG didakwa

UM. 14/1/2016 ms. 15

Oleh ZAMZURINA AHMAD
zamzurina.ahmad@gmail.com

■ Kuantan 13 JAN.

PENOLONG Pengarah (Penguat Kuasa) Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri antara dua pegawai pejabat tersebut yang dihadapkan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dakwaan menerima rasuah daripada pengusaha lombong bauksit haram pada November dan Januari lalu.

Syed Umar Khalil Syed Khalid, 34, dan Penolong Pegawai Tanah, Fadly Ab. Malek, 35, masing-masing mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan kepada mereka di hadapan Hakim Habibah Mohamed Yusof.


Syed Umar yang merupakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dituduh bersubahat dengan Fadly iaitu menerima wang suapan sebanyak RM30,000 daripada Anurul Hiraq Abu Bakar, 33, sebagai balasan memberi perlindungan menjalankan aktiviti perlombongan bauksit secara haram.

Perbuatan itu didakwa dilakukan oleh Syed Umar di pekarangan Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah di sini pada pukul 7.35 malam, 6 Januari lalu.


Pertuduhan terhadap tertuduh itu dikemukakan mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 17(a) akta tersebut dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(a) akta sama.

Fadly dari Pekan pula didakwa menerima suapan wang tunai RM30,000 daripada Anurul Hiraq bagi tujuan sama di dalam sebuah kereta jenis Toyota Fortuner antara pukul 12.20 tengah hari dan 12.40 tengah hari pada hari dan tempat yang sama.

Fadly turut menghadapi pertuduhan kedua iaitu didakwa menerima rasuah RM35,000 daripada Anurul Hiraq untuk memberi perlindungan kepadanya yang melakukan aktiviti sama, atas nama syari-



SYED UMAR KHALIL SYED KHALID



FADLY AB. MALEK



Kedua-dua tertuduh boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan."

kat Aras Kuasa Sdn. Bhd. dengan menjual borang 13 (D) [Subperaturan 84 (a)] di bawah Peraturan-Peraturan Mineral 2005.

Kesalahan tersebut didakwa dilakukan di dalam kereta sama di sebelah Restoran Santai, Jalan Teluk Baharu 5, Kampung Baru Peramu di sini antara pukul 4 dan 4.30 petang, 18 November tahun lalu.

Kedua-dua pertuduhan terhadap Fadly dikemukakan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(a) akta yang sama.

Di bawah Seksyen 24(a) akta tersebut, kedua-dua tertuduh boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau

RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Syafinas Shabudin manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Datuk Syed Azimal Amir Syed Abu Bakar dan Muhammad Hisham Abdul Rahim.

Pada prosiding tersebut, Muhammad Hisham memohon jumlah jaminan RM20,000 yang ditawarkan pihak pendakwaan dikurangkan memandangkan Fadly hanya memperoleh pendapatan RM2,600 sebulan, menanggung tiga orang anak termasuk dua yang bersekolah dan ibu bapa yang berusia dalam lingkungan 60 tahun.

Syed Azimal Amir turut memohon jaminan rendah iaitu sekitar RM3,000 terhadap Syed Umar Khalil dengan menyatakan anak guamnya itu masih berkhidmat di pejabat PTG dan kebarangkaliannya melarikan diri tidak akan berlaku.

"Tertuduh memperoleh pendapatan sebanyak RM5,300 sebulan dan menanggung seorang isteri dan anak," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan setiap tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM10,000 bagi setiap pertuduhan sementara menunggu sebutan kes pada 5 Februari ini.



um 14/1/2016 ms. 1
**ISU BAUKSIT: DUA
PEGAWAI PTG HADAPI
TUDUHAN RASUAH**

KEMUSNAHAN alam sekitar akibat perlombongan bauksit di Kuantan yang menjadi perhatian ramai telah menyaksikan enam kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang dan tiga orang awam disiasat kerana disyaki terlibat dengan kesalahan rasuah.

Dua daripada mereka yang merupakan pegawai penguat kuasa di PTG didakwa semalam atas tuduhan menerima rasuah daripada pelombong haram.

● **SYED UMAR KHALIL SYED KHALID** (depan) dan Fadly Abdul Malek ketika dihadapkan di Mahkamah Sesyen, Kuantan, Pahang, semalam. **[BERITA DI MUKA 15]**
- UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN